

Cabaran Pembinaan Pangkalan Data Hadis Lengkap dalam Bahasa Melayu untuk Data Raya (Big Data) yang Dihadapi oleh Kumpulan i-Status Hadis: Satu Kajian Kes

A Irwan Santeri Doll Kawaiid

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +6067986744. Emel: a.irwan@usim.edu.my

Syed Najihuddin Syed Hassan, USIM

Helimy Aris, USIM

Norzulaily Mohd Ghazali, USIM

Mohd Fadzli Marhusin, USIM

Norhidayah Azman, USIM

Nurul Fathihin Mohd Noor Shah, USIM

ABSTRAK

Ledakan teknologi maklumat telah merancakkan lagi perkembangan ilmu, aplikasi dan pemprosesan maklumat. Data-data yang diperolehi sama ada daripada sumber maya atau konvensional didigitalkan, disusun dan dianalisa menggunakan mesin penyusun dan penganalisa. Data-data tersebut kemudiannya digunakan untuk pelbagai tujuan. Selain menggunakan mesin penyusun dan penganalisa data, penggunaan mesin pembuat keputusan juga dapat membantu menghasilkan output yang lebih baik dan tepat. Dalam bidang hadis, banyak pihak telah membangunkan pelbagai aplikasi digital berkaitan hadis menggunakan teknik yang ringkas mahupun yang lebih kompleks mencakupi kemampuan janaan dan paparan dapatan yang hebat dan penggunaan teknologi berasaskan awan. Tujuannya untuk memudahkan orang ramai mencapai data-data hadis Nabi SAW. Data dalam aplikasi-aplikasi tersebut biasanya dicapai daripada pangkalan data yang telah disiapkan. Namun, tidak banyak aplikasi atau pangkalan data berkaian hadis yang bercirikan maklumat dan paparan yang hebat yang dibina dalam bahasa Melayu. Kebanyakan yang amat bagus hanya terdapat dalam bahasa asing. Ketiadaan ini disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya ketiadaan dana, sumber manusia, kepakaran dan pelbagai lagi. Kertas kerja ini akan cuba membincangkan cabaran yang dihadapi oleh kumpulan i-Status Hadis, USIM dalam membina pangkalan data hadis lengkap untuk tujuan data raya. Kajian kes ini akan cuba mengkaji permasalahan yang mereka hadapi serta melihat solusi kepada penyelesaiannya.

Kata kunci: pangkalan data hadis, hadis, data, data raya, cabaran, aplikasi, i-Status Hadis.

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi digital telah mencapai ke tahap penggunaan data raya untuk pelbagai tujuan. Ia terus berkembang sehingga ke tahap membina sistem yang bercirikan Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*), iaitu kemampuan sistem komputer atau robot perisian yang mampu memproses data dan membuat keputusan sebaik manusia.¹ Data Raya dapat didefinisikan sebagai set data yang sangat besar yang mempunyai kepelbagaiannya yang tertakluk kepada analisis yang meluas berdasarkan penggunaan algoritma.² Selain itu, Data Raya juga merujuk kepada alatan dan teknologi yang digunakan untuk mengumpul data besar yang tidak boleh dilakukan secara konvensional, Data Raya tersebut digunakan bagi mengenal pasti trend dan corak umum dan juga boleh digunakan untuk membuat keputusan dan tindakan secara masa nyata.³

Antara sumber maklumat utama yang dicapai oleh Data Raya adalah pangkalan data. Pangkalan data pula merujuk kepada sekumpulan data yang berkaitan kepada objek atau aktiviti tertentu.⁴ Data di dalam sebuah sistem pangkalan data biasanya disusun di dalam satu atau lebih fail yang di dalamnya terkandung maklumat berkaitan dengan organisasi atau keperluan pembina sistem pangkalan data berkenaan.⁵ Ia diolah dan dianalisa agar dapat meningkatkan kualiti pihak-pihak berkaitan sama ada untuk pengurusan atau selainnya. Lantaran itu, sebuah pangkalan data digital boleh dianggap sebagai sebuah sistem yang boleh menyimpan rekod secara berkomputer yang juga berfungsi sebagai sebuah kabinet fail elektronik.⁶

Dalam ilmu hadis, perkembangan teknologi digital telah menambah nilai kepada ilmu ini.⁷ Pendigitalan teks hadis yang berlaku sejak awal era digitalisasi telah menjadikan teks bercetak ke menjadi dalam bentuk PDF atau aplikasi. Tujuannya untuk memudahkan orang ramai mencapai hadis-hadis Nabi SAW dan mendekatkan mereka kepada sumber kedua terpenting Islam itu.⁸

Setakat ini, kebanyakkan teks hadis yang telah didigitalkan dan digunakan secara meluas adalah dalam bahasa asing, iaitu sama ada bahasa Indonesia, Arab atau Inggeris. Aplikasi digital berkaitan hadis dalam bahasa Melayu pula dilihat masih kurang dan tidak serancak perkembangan aplikasi hadis dalam bahasa asing. Selain itu, kebanyakkan aplikasi digital hadis dalam Bahasa Melayu dilihat tidak lengkap dan bukan jenis termaju.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan kelemahan tersebut. Antaranya ketiadaan dana, sumber manusia, kepakaran dan lain-lain. Kertas kerja ini cuba membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kumpulan i-Status Hadis, USIM dalam membina pangkalan data

¹ Jaya, Hendra, Drs Sabran, M Pd, Muh Ma, Yasser A Djawad, M Sc, A Ilham, Ansari Saleh Ahmar, S Si, and M Sc. 2018. *Kecerdasan Buatan. Journal of Chemical Information and Modeling*. Vol. 53.

² Abourezq, Manar, and Abdellah Idrissi. 2016. “Database-as-a-Service for Big Data : An Overview” 7 (1): 157–77.

³ Nasreldin, Ibrahim, Ibrahim Ahmed, and Mohamad Fauzan Noordin. 2014. Big Data Storage, Collection, & Protection with Islamic Perspective. 3 (12): 2588–89.

⁴ Robbins, R. J. (1994). Database fundamentals. *Johns Hopkins University, rrrobbins@ gdb. org*, 5-8.

⁵ Man, M. (2012). Model Integrasi Pelbagai Jenis Pangkalan Data (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

⁶ Ibid.

⁷ Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Long, M. Y., Goje, K., & Said, W. M. (2016, October). Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisasi. In *Seminar Warisan Nabawi (SWAN) 2016* (pp. 4-5).

⁸ Mohd Kahirul Niamat Doll Kawaiid, A. Irwan Santeri Doll Kawaiid, Shumsudin Yabi, Mohd Zohdi Mohd Amin, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mohd Yusuf Ismail. Persepsi Pensyarah Tentang Pengintegrasian Aplikasi ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Berkaitan Hadis di UA Malaysia. 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2018)

hadis yang lengkap. Ia akan cuba mengkaji permasalahan mereka dari sudut pembinaan pangkalan data , menilai penyelesaiannya serta mencadangkan solusinya. Kertas kerja ini tidak akan menyentuh aspek-aspek sistem pengoperasian aplikasi, pengaturcaraan atau sudut pemprosesan data. Hal ini disebabkan perkara tersebut adalah berkaitan bidang sains komputer.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kes di mana data kes diambil daripada pengalaman ahli kumpulan i-Status Hadis yang merupakan penulis-penulis kertas kerja ini sendiri. Pengalaman dan cabaran yang mereka hadapi direkodkan, dianalisa dan diuraikan secara kualitatif bagi melihat aspek masalah dan penyelesaiannya secara spesifik.

KUMPULAN i-STATUS HADIS

Kumpulan i-Status Hadis adalah sebuah kumpulan inovator daripada Universiti Sains Islam Malaysia yang memfokuskan kepada penghasilan inovasi menggunakan teknologi terkini ke atas data untuk menyelesaikan masalah-masalah semasa berkaitan hadis dan penggunaan hadis. Mereka terdiri daripada para penyelidik daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan beberapa penyelidik daripada Fakulti Sains dan Teknologi (FST). Beberapa inovasi yang mereka hasilkan telah memenangi emas dalam beberapa pertandingan inovasi. Antara aplikasi tersebut adalah i-Status Hadis *Google Chrome Extension*, i-Status Hadis *Word Add-in* dan i-Status Hadis *Lens*.

Selain menginovasikan aplikasi berkaitan hadis bagi tujuan memenuhi keperluan umat Islam, kumpulan ini juga mensasarkan untuk mentransformasikan semua perkara berkaitan hadis Nabis SAW sama ada matan, terjemahan, status, maklumat perawi, sanad, ulasan hadis dan sebagainya kepada bentuk digital. Buat masa ini, inovasi mereka belum dapat diwar-warkan lagi kepada orang ramai kerana masih dalam proses pelengkapannya pangkalan data. Apabila pangkalan data dan server khusus mereka telah wujud, inovasi mereka akan dibuka dan dihebah untuk capaian orang ramai.

CABARAN-CABARAN DALAM PEMBINAAN PANGKALAN DATA HADIS LENGKAP DALAM BAHASA MELAYU

Disebabkan pangkalan data yang ingin dibangunkan besar kerana data sasaran kumpulan ini adalah luas, kumpulan ini memulakan projek mereka dengan membina pangkalan data hadis kecil. Antara pangkalan data kitab hadis yang sebahagiannya telah dimulakan iaitu pangkalan data hadis bagi kitab-kitab utama hadis iaitu; Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan al-Tirmizi, Sunan al-Nasa'i dan Sunan Ibnu Majah.

Pembinaan pangkalan data bagi kitab-kitab ini, walaupun kecil, tetapi bukanlah suatu tugas yang mudah untuk dilakukan. Hal ini kerana, jumlah hadisnya yang banyak, iaitu lebih kurang 30,000 buah hadis dan ia perlu diterjemahkan. Lagi pula projek ini merupakan projek awal mereka. Meskipun teks-teks hadis dalam bahasa Arab dalam bentuk digital telah mudah dapat dicapai dan disalin dari mana-mana sumber pada masa ini, tetapi data-data tersebut masih perlu melalui pelbagai proses penyusunan, semakan, pengesahan dan sebagainya. Perkara tersebut menyebabkan tugas membina pangkalan data yang sahih dan sempurna suatu cabaran yang agak besar. Berikut disenaraikan cabaran-cabarannya yang dihadapi oleh mereka:

Ketiadaan Dana, Kekurangan Tenaga Kerja Dan Kekangan Masa

Ketiadaan dana, kekurangan tenaga kerja dan kekangan masa merupakan cabaran terbesar yang dihadapi oleh kumpulan i-Status Hadis dalam pembinaan pangkalan data hadis lengkap. Hal ini kerana data-data yang dirancang untuk dimasukkan adalah besar yang berjumlah puluhan ribu malah mungkin ratusan ribu. Hal tersebut memerlukan kepada tenaga kerja dan masa yang banyak, iaitu bagi melakukan tugas memasukkan data, memindahkan, menyusun, menyemak serta mengesahkan data. Tugasan ini tidak mampu dilakukan oleh beberapa orang ahli kumpulan ini malah oleh semua penyelidik dalam bidang hadis yang terdapat di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah yang berjumlah lebih kurang 20 orang. Apatah lagi jika pangkalan data tersebut mahu digunakan dalam tempoh cepat.

Meskipun tugas-tugas memasukkan data boleh diagih-agihkan di kalangan para penyelidik di FPQS, tetapi disebabkan para penyelidik mempunyai pelbagai komitmen dan sasaran kerja masing-masing seperti mengajar, menghasilkan penerbitan dan lain-lain, di samping akan diberikan tugas lain seperti menterjemah, menyemak dan mengesahkan maklumat yang dimasukkan, maka tugas seperti memasukkan dan memindahkan data memerlukan tenaga kerja lain. Disebabkan status projek ini bukan berasaskan keuntungan kewangan, hal ini menyebabkan projek ini tidak dapat menggaji pekerja untuk dibayar dengan bayaran tertentu. Kos memindahkan data, menterjemah dan menyemaknya memerlukan kepada kos yang besar jika tenaga kerja perlu digaji. Walaupun dari satu sudut, teks hadis dalam bahasa Arab boleh didapati secara digital, teks tersebut juga boleh disalin, dipindahkan dan tidak perlu ditulis lagi kerana terdapat kebenaran hakcipta. Namun, proses memindahkan, menterjemah dan menyemak tetap memerlukan kepada masa dan tenaga.

Terdapat beberapa cadangan penyelesaian bagi masalah ini. Antaranya:

Mengagihkan beberapa tugas memasukkan data ke pangkalan data kepada pelajar dalam kursus-kursus berkaitan hadis, iaitu melalui tugas amali kursus dan projek ilmiah pelajar tahun akhir.

Di FPQS, terdapat banyak kursus berkaitan hadis yang diajarkan di pelbagai program pengajian. Bilangan pelajarnya ramai. Tugas amali bagi kursus-kursus tersebut boleh dirangka agar para pelajar dapat membantu untuk menambahkan data ke dalam pangkalan data dalam bentuk excel sheet yang kemudiannya boleh dipindahkan ke dalam laporan tugas mereka dalam bentuk word. Hal ini akan mempercepatkan proses memasukkan data dan menjimatkan kos.

Selain faedah kepada projek, tugasan berbentuk ini juga akan melatih pelajar mengaplikasikan dan memahami apa yang dipelajari oleh mereka dalam kursus-kursus yang berbentuk aplikasi. Ia juga dapat mengelakkan pelajar daripada mengambil kesempatan menumpang hasil kerja rakan kumpulan jika sesuatu tugasan adalah dalam bentuk berkumpulan. Proses memasukkan data juga boleh mendedahkan pelajar kepada pengalaman mengetahui keperluan data-data hadis.

Tugas amali, projek ilmiah pelajar tahun akhir juga boleh diarahkan kepada projek-projek yang dapat menambahkan data pangkalan data. Justeru, tajuk-tajuk yang berbentuk penganalisaan terhadap data hadis boleh dicadangkan agar data pangkalan data dapat ditambah.

Mengadakan Kolaborasi Dengan Pihak Yang Sudah Mempunyai Pangkalan Data Hadis

Terdapat beberapa pihak yang telah mempunyai pangkalan data hadis kitab-kitab tertentu yang lengkap sama ada individu atau organisasi. Jika pihak-pihak tersebut dapat dihubungi dan berkongsikan pangkalan data mereka, jika mereka tidak keberatan, tugas membina pangkalan data akan lebih mudah dan cepat. Malah, jika orientasi pihak tersebut juga bukan berdasarkan kewangan, maka pangkalan data mungkin boleh didapati tanpa bayaran. Meskipun begitu, jika perkara itu dapat diperolehi, beberapa proses lain tetap memerlukan kepada sumber manusia bagi melakukannya, iaitu seperti tugas menterjemah teks, mengalih bahasa, menyemak dan mengesahkan data. Namun, ia lebih mudah kerana sebahagian besar data telah dikumpul.

Mengadakan Kolaborasi Dengan Pihak Yang Sudah Menterjemahkan Kitab Hadis

Terdapat beberapa pihak di Malaysia yang telah menterjemah beberapa kitab hadis ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan-terjemahan tersebut kebanyakannya diterbitkan dalam bentuk bercetak. Namun, walaupun dalam bentuk bercetak tetapi ia mempunyai deraf asal berbentuk digital yang boleh disalin. Jika pihak-pihak tersebut dapat berkongsikan deraf terjemahan mereka untuk disalin dan dimasukkan dalam pangkalan data atas nama kerjasama, sudut terjemahan dapat dimudahkan.

Menggaji Pemasuk Data

Jika semua cadangan di atas tidak dapat menyelesaikan masalah, langkah terakhir ialah dengan menggaji pemasuk data sama dengan dana sumbangan atau geran yang diperolehi daripada pihak tertentu.

Konsep Kerja Pembinaan Pangkalan Data yang Kurang Difahami Oleh Ahli Kumpulan

Termasuk dalam masalah berkaitan tenaga kerja adalah masalah tentang ketiadaan kemahiran dan kefahaman ahli baru tentang konsep pangkalan data untuk data raya. Pembinaan pangkalan data adalah suatu yang asing bagi sesetengah penyelidik. Disebabkan projek ini akan sentiasa menerima ahli baru kerana terdapat keperluan. Namun disebabkan faktor latar belakang pengalaman mereka yang tiada pendedahan tentangnya, mereka akan kurang memahami konsep tersebut walaupun secara asasnya ia tidak sukar kerana hal tersebut hanya berkaitan proses pemindahan data. Bagi mengatasi masalah ini, sesi latihan dan penerangan sentiasa perlu dibuat agar perkara tersebut dapat dijelaskan.

Cabarani Terjemahan

Komponen terjemahan adalah komponen yang penting dalam pangkalan data hadis untuk aplikasi yang kumpulan sasarannya rakyat Malaysia. Komponen inilah yang akan diberi perhatian oleh mereka dalam edisi terjemahan. Bagi pangkalan data kitab-kitab hadis yang bahasa asalnya adalah bahasa Arab, bukan sahaja teks hadis, malah tajuk-tajuk bab, ulasan dan komentar ulama juga perlu diterjemahkan. Hal tersebut memerlukan kepada orang yang pakar dalam bukan sahaja dalam bahasa Arab tetapi arif juga tentang ilmu hadis, ilmu syariat dan budaya.⁹ Disebabkan terjemahan teks agama adalah antara terjemahan yang amat sukar untuk dilakukan kerana sifatnya yang sangat suci dan sensitif kerana perkaitannya dengan Tuhan,

⁹ Mahmoud, Montasser. "Challenges of Translating Islamic Religious Items from Arabic into English." *Naif Arab University for Security Sciences* (2015).

maka terjemahannya perlulah berhati-hati.¹⁰ Justeru kaedah terjemahan yang berbeza daripada kaedah terjemahan biasa perlu diadakan.

Meskipun terdapat banyak terjemahan hadis ke dalam bahasa Melayu yang telah dilakukan oleh banyak pihak dalam bentuk digital dan terjemahan tersebut juga boleh dicapai dan boleh disalin. Tetapi masalah hakcipta dan kesahihan terjemahan juga menjadi masalah lain jika menyalin teks terjemahan yang telah ada. Malah sebenarnya hadis-hadis yang terdapat dalam bentuk digital kebanyakannya adalah hadis-hadis yang popular dan ringkas. Banyak lagi hadis yang tidak popular dan panjang yang terdapat dalam kitab-kitab hadis yang kurang terdapat terjemahannya dalam bentuk digital.

Bagi mengatasi masalah ini, terdapat beberapa cadangan bagi menyelesaiannya. Antaranya:

Membuat Garis Panduan Terjemahan Hadis Dan Latihan Kepada Para Penterjemah

Garis panduan terjemahan hadis perlu dibina dan disampaikan kepada para penterjemah dan penyemak. Hal ini agar kaedah yang betul dalam terjemahan dapat diaplikasikan dan kesalahan serta kesilapan dapat dielakkan. Bantuan pakar terjemahan perlu dilibatkan dalam pembinaan gairs panduan tersebut. Malah jika teks tersebut mengandungi persoalan berkaitan tafsir, qiraat, akidah dan fekah, pakar-pakar bidang tersebut juga boleh dilibatkan dalam pembinaan garis panduan tersebut.

Mengadakan Kolaborasi Dengan Pihak Yang Sudah Menterjemahkan Kitab Hadis

Cadangan mengadakan kerjasama dengan pihak yang sudah menterjemahkan kitab hadis ini adalah sama dengan cadangan penyelesaian masalah pertama. Namun dalam cadangan ini, terjemahan yang telah melalui proses penilaian dan pengesahan sahaja yang perlu diutamakan.

Menentukan Item Pangkalan Data

Menentukan item pangkalan data adalah antara perkara utama yang perlu dirancang dengan baik. Hal ini agar data yang disusun dapat memenuhi keperluan pengguna serta menepati disiplin ilmu hadis. Bagi kumpulan ini yang tiada pengalaman membina pangkalan data hadis, menentukan item pangkalan data hadis juga menjadi satu cabaran kepada mereka.

Khadher Ahmad ada mencadangkan sepuluh kriteria penting perlu ada dalam pembangunan laman sesawang hadis iaitu:

- [1] Kandungan teks hadis yang berbaris lengkap;
- [2] Terjemahan hadith yang telah disemak;
- [3] Maklumat sumber dan takhrij hadis;
- [4] Kefahaman Hadis Secara Ringkas;
- [5] Organisasi atau Panel yang bertanggungjawab dan mempunyai kelayakan;
- [6] Interface Yang Mesra Pengguna;
- [7] Lampiran Bentuk Shajarah Al-Asānid (Pemetaan Sanad Hadith);
- [8] Meletakkan Tema Kumpulan Hadis;
- [9] Pembahagian Hadis Berdasarkan Judul Kitab (Bagi Karya Jawi);

¹⁰ Al-Harahsheh, A. M. A. (2013). Translation of Islamic Texts and Ideology. Arab World English Journal, 4.

[10] Penyediaan Hadis-hadis Alternatif Bagi Hadis Yang Palsu.¹¹

Kriteria cadangan ini adalah berdasarkan geran penyelidikan beliau yang berjudul “Digitalisasi dan Autentikasi Hadis dalam Karya-karya Jawi Nusantara”. Kriteria yang dicadangkan dilihat sesuai untuk dijadikan panduan awal dalam penentuan item pangkalan data hadis sebelum ditambahbaik dengan kriteria lain mengikut keperluan.

Berdasarkan kriteria tadi, terdapat beberapa kriteria yang boleh dijadikan panduan item bagi pangkalan data hadis iaitu:

- [1] Kandungan teks hadis yang berbaris lengkap;
- [2] Terjemahan hadis yang telah disemak;
- [3] Maklumat sumber dan takhrij hadis;
- [4] Kefahaman hadis secara Ringkas; Lampiran Bentuk Shajarah Al-Asānid (Pemetaan sanad hadis);
- [8] Meletakkan Tema kumpulan hadis.

Berkaitan kandungan teks hadis yang berbaris lengkap, menurut beliau hal ini perlu bagi mengelakkan orang yang tidak memahami Bahasa Arab daripada salah dalam memahami maksud hadis.¹² Selain cadangan ini, item teks tanpa baris juga boleh disediakan bagi orang yang mahir dalam bahasa Arab dan memilih untuk menggunakan teks tanpa baris. Dengan teknologi komputer, kedua-dua jenis teks boleh disediakan. Pengguna yang ingin memilih jenis teks boleh melakukannya dengan memilih tetapan tertentu. Justeru, kedua-dua item jenis teks perlu diadakan.

Terjemahan hadis sememangnya perlu disediakan kerana pengguna sasaran adalah masyarakat setempat iaitu di Malaysia. Perkara-perkara berkaitan hal ini telah dibincangkan sebelum ini.

Berkenaan dengan maklumat sumber dan takhrij hadis, bagi beliau, dalam menyatakan sumber hadis, maklumat utama berikut perlu ada, iaitu:

- i. Sumber hadis.
- ii. Maklumat Kitab (topik utama bagi hadis).
- iii. Maklumat Bab iaitu merujuk kepada nama sub topik.
- iv. Meletakkan nombor hadis yang lengkap.
- v. Menyatakan status hadis

Perkara-perkara ini sememangnya perlu ada dalam item pangkalan data. Ia bagi memudahkan pengguna melakukan semakan silang atau merujuk kepada sumber asal bercetak. Untuk dimasukkan semua data ini bukanlah satu perkara yang sukar kerana tidak memerlukan kepada banyak usaha kecuali pada masalah meletakkan nombor hadis dan menyatakan status hadis yang akan dibincangkan selepas ini.

¹¹ Ahmad, K. (2019). Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Wbsite Dan Software Hadis. In *Conference Proceeding International Conference on Islam in Malay World (ICONIMAD)*.

¹² Ibid.

Berkaitan kefahaman hadis secara ringkas, beliau mencadangkan supaya perbincangan yang panjang tentang huraian maksud hadis perlu diadakan agar dapat memberi kefahaman yang menyeluruh kepada hadis. Selain itu, beliau turut mencadangkan agar fawa'id (isi-isi utama) hadis turut disediakan.

Paparan *Shajarah al-Asānid* (pemetaan sanad hadis) bagi beliau perkara ini adalah penting bagi sesebuah laman sesawang hadis. Hal ini untuk menzahirkan keadaan sesuatu sanad hadis dari segi kebersambungan sanad dan untuk mengenal pasti hal keadaan para perawi sesuatu hadis sama ada berkredibiliti atau tidak. Cadangan ini boleh dilakukan dan itemnya boleh diadakan. Namun, ia memerlukan kepada usaha dan tenaga kerja yang lebih. Malah satu senarai item yang panjang dan sistem pemetaan juga perlu dibina.

Berkaitan meletakkan tema bagi mengkelaskan hadis-hadis mengikut pelbagai perspektif, perkara ini jika difikirkan sepantas lalu adalah mudah untuk dilakukan. Tanda pagar untuk tema tertentu boleh diletakkan pada setiap hadis bagi memudahkan sistem komputer mengesan dan menyusunnya dalam bentuk tema. Tambahan pula, tema-tema Islam telah ada di mana-mana dan boleh diikuti. Namun, jika diperhalusi, tema kumpulan hadis bukanlah sekadar tema-tema besar. Sub tema dan tema-tema kecil lain juga perlu ditentukan agar pengelasan hadis-hadis tidak sekadar membentuk kelopok kelas data yang bersaiz besar yang menjadikannya tidak relevan bagi keperluan pengguna tertentu yang mahukan capaian kepada hadis-hadis dalam bentuk tema dan kluster-kluster yang spesifik mengikut perspektif pengguna. Perkara ini menjadi cabaran dalam membina pangkalan data kerana sub-tema dan tema-tema kecil perlu untuk dibincangkan dan diwujudkan.

Selain item-item ini, item nama perawi sahabat dan sumber komentar ulama terhadap status hadis juga perlu ditambah. Bagi keperluan tertentu, item jenis hadis seperti *Mutawatir*, *Qudsi*, *Mawquf* juga perlu difikirkan. Jika aplikasi ini bakal digunakan dalam bahasa asing lain, item terjemahan ke bahasa tersebut juga perlu diadakan.

Penomboran Hadis

Berkaitan dengan penomboran hadis, penomboran hadis adalah sesuatu perkara yang baharu dalam ilmu hadis. Hal ini kerana hadis-hadis dalam kitab-kitab hadis pada asalnya tidak bernombor. Para penerbit kitab-kitab hadis pada zaman awal, mereka mencetak kitab hadis dengan hadis-hadis tanpa bernombor. Penomboran hadis hanya bermula sekitar tahun 1930an yang dilakukan oleh beberapa penyelidik. Selepas itu, banyak penerbit mulai menerbitkan kitab-kitab hadis dengan hadis-hadis yang bernombor. Akan tetapi perkara hal ini tidak menjadi budaya yang menyeluruh atau kemestian. Masih banyak kitab-kitab hadis yang hadis-hadisnya masih belum dinomborkan. Antara kitab-kitab yang telah dinomborkan ialah kitab-kitab Sunan Sittah, Musnad Ahmad, Mu'jam al-Tabrani dan lain-lain. Antara kitab hadis yang belum dinomborkan ialah seperti kitab Hilyah al-Awliya' oleh Abu Nu'aim al-Ashbahani.

Terkadang terdapat perbezaan pada penomboran bagi sesuatu hadis pada terbitan satu penerbit dengan penomboran hadis dalam cetakan penerbit lain. Punca perbezaan ini berlaku adalah kerana para penerbit yang menerbitkan kitab-kitab hadis merujuk kepada penomboran yang dilakukan oleh penyelidik-penyalidik yang berbeza. Para penyelidik mempunyai pandangan masing-masing dalam menentukan urutan nombor bagi hadis. Hal ini disebabkan banyak faktor. Antaranya kerana sesetengah penyelidik beranggapan bahawa beberapa hadis sebagai hadis yang sama kerana kedudukannya yang berurutan dengan hadis lain dan terdapat persamaan dari sudut makna antara hadis itu dan hadis sebelumnya. Manakala bagi penyelidik

lain, mereka beranggapan bahawa hadis-hadis tersebut sebagai hadis yang berbeza lalu meletakkan beberapa nombor bagi hadis-hadis tersebut. Faktor inilah yang menyebabkan berlaku ketidakseragaman dalam penomboran hadis. Perbezaan penomboran ini, walaupun kecil, memberi kesan yang besar dalam pembinaan pangkalan data raya hadis yang menyimpan dan/atau mengikdeks semua hadis yang wujud dalam dunia Islam.

Untuk menyelesaikan masalah ini, terdapat beberapa cadangan dalam menyelesaiannya. Antaranya:

Mengkaji Dan Menentukan Kaedah Penomboran Yang Paling Popular Dan Sesuai

Dalam banyak-banyak penomboran kitab-kitab hadis, terdapat beberapa penomboran pihak tertentu yang paling popular dan paling banyak dirujuk atau digunakan. Ia disebabkan ia dirasakan lebih tepat. Untuk mengelakkan kesulitan, penomboran tersebut dicadangkan untuk dipilih.

Mengadakan Kolaborasi Dengan Pihak Yang Sudah Mempunyai Pangkalan Data Hadis

Pengalaman pihak yang telah membina pangkalan data hadis terutamanya pembangunan-pembangunan aplikasi-aplikasi hadis dalam bahasa asing boleh dirujuk bagi menentukan nombor hadis dan mengetahui menentukan Kunci Primier. Jika pengalaman mereka dapat dikongsikan, terutamanya dalam menentukan Kunci Primier, urusan membina pangkalan data hadis akan lebih mudah.

Ketidakseragaman penomboran hadis juga akan memberi kesan kepada penentuan nombor hadis dalam pangkalan data, iaitu dalam penentuan Kunci Primier (*Primary Key*) bagi data. Kunci Primier (*Primary Key*) atau bahasa mudahnya ID (*Identity document*) adalah atribut (atau kombinasi atribut-atribut) yang boleh mengenalpasti *tuple* secara unik di dalam satu hubungan.¹³ Ia juga merupakan aspek penting dalam sesuatu pangkalan data bagi memudahkan data diolah dan dihubungkaitkan.

Hal ini kerana dalam pembinaan pangkalan data hadis, selain item teks arab, terjemahan, ulasan dan statusnya, item takhrij juga diperlukan untuk menjelaskan perkaitan teks-teks hadis yang mempunyai persamaan. Hal ini diisitilahkan dalam ilmu hadis sebagai mutabaah dan syawahid. Perkaitan tersebut jika bukan dilakukan secara algoritma, lebih mudah jika dihubungkaitkan dengan Kunci Primier. Kunci Primier perlu tidak boleh bertindih dan mengikut urutan. Jika tidak, proses menghubungkaitkan hadis-hadis menjadi sukar. Jika penomboran hadis dan ID hadis dapat diseragamkan, pembinaan pangkalan data akan menjadi lebih mudah.

Selain itu, Kunci Primier hadis bukan sahaja boleh digunakan untuk pangkalan data, ia juga boleh dijadikan ID untuk hadis di luar pangkalan data. ID hadis akan memudahkan pelbagai pihak untuk melakukan rujukan hadis terutamanya dalam era ICT ini. Namun penyelaras ID hadis bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilakukan kerana perlu mendapat kesepakatan pakar-pakar hadis dunia kerana teks hadis adalah teks antarabangsa. Disebabkan itu, perkara ini seolah-olah mustahil untuk dilakukan.

Bagi pembangun aplikasi-aplikasi hadis yang sedia ada pula, ada di antara mereka yang cenderung untuk memilih satu penomboran sahaja sepetimana yang dilakukan oleh aplikasi

¹³ Robbins, R. J. Op. cit 5-8.

Hadits 9 Imam dan Sunnah.com. Ada pihak lain pula yang cenderung untuk meraikan kepelbagaiannya penomboran sepertimana yang dilakukan oleh aplikasi Maktabah Syamilah, Jawami al-Kalim dan Jami' Khadim al-Haramain al-Syarifain lil Sunnah al-Mutahharah. Namun disebalik kepelbagaiannya tersebut, pangkalan data yang disediakan tentu mempunyai Kunci Primier tertentu walaupun tidak dipaparkan.

Menentukan Status Hadis

Status hadis, yang juga disebut sebagai derajat, hukum, nilai, martabat dan kualiti hadis adalah tahap kesahihan hadis. Secara asasnya terdapat 4 jenis status hadis yang ditetapkan oleh para ulama, iaitu: 1. Sahih 2. Hasan 3. Dhaif 4. Palsu. Tahap-tahap kesahihan ini ditentukan berdasarkan kriteria kesahihan hadis yang ditetapkan oleh para ulama. Kriteria-kriteria tersebut adalah: Diriwayatkan dengan sanad yang bersambung dari awal hingga akhir, diriwayatkan oleh perawi yang bersifat dengan ‘*Adalah*¹⁴ dari awal hingga akhir, diriwayatkan oleh perawi yang bersifat dengan *Dhabit*¹⁵ dari awal hingga akhir, tidak terdapat *Syuzuz*¹⁶ sama ada pada matan atau sanadnya dan tidak terdapat ‘*Illah*¹⁷ sama ada pada matan atau sanadnya.¹⁸ Jika sesuatu hadis itu memenuhi kesemua syarat-syarat ini, ia dinilai sebagai ‘*sahih*’. Namun, jika tahap *dhabit* salah seorang perawi atau lebih yang terdapat dalam sanadnya di tahap sederhana sahaja, di samping memenuhi syara-syarat lain, hadis tersebut dihukum sebagai ‘*hasan*’. Tetapi jika hadis tersebut tidak memenuhi salah satu atau lebih syarat-syarat tersebut, hadis tersebut dihukum sebagai ‘*dhaif*’. Hadis palsu pula adalah hadis yang tidak benar penisbahannya kepada Nabi SAW.¹⁹ Kriteria yang ini ditetapkan juga dianggap sebagai garis panduan menilai dan menentukan status hadis.

Dari segi sejarah, kewujudan pelbagai jenis hadis Nabi SAW dari sudut tahap kesahihan adalah bermula ketika kemunculan pemalsuan terhadap hadis. Pada zaman awal Islam, umat Islam tidak meragui kesahihan apa-apa hadis Nabi SAW. Namun, apabila hadis palsu mulai muncul disebabkan perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam yang mengakibatkan timbulnya pereka-pereka hadis yang mereka-reka hadis untuk kepentingan kumpulannya, maka umat Islam mula berhati-hati dalam menerima apa-apa hadis.²⁰

Tidak seperti Quran yang dapat diketahui status kesahihannya dengan mudah kerana kesemuanya adalah sahih sepertimana yang disepakati oleh para ulama lantaran ia disampaikan

¹⁴ Al-‘Adalah (العدالة) adalah satu sifat yang bererti budi pekerti yang baik dan bertakwa. Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali al-Asqalani. 1997. *Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar*. ^cAmman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah, hlm. 69.

¹⁵ *Dhabit* dari sudut bahasa adalah ikatan. Dari sudut istilah pula adalah kemampuan seorang perawi dalam menyampaikan sesuatu hadis yang diterimanya dengan sempurna walaupun hanya dari sudut maknanya sahaja. *Ibid.*

¹⁶ *Syuzuz* ialah suatu percanggahan perwayatan di antara seorang perawi yang *thiqah* dengan perwayatan perawi-perawi *thiqah* yang lain. Abu Syalbah. 1403H. al-Wasit fi ‘Ulum wa Mustalah al-Hadith. Dar al-Fikr al-‘Arabiyy. hlm. 228.

¹⁷ ‘*Illah* pula ialah suatu kesilapan halus yang terdapat dalam sesuatu *Hadis* yang menyebabkannya dianggap bermasalah. *Ibid.* hlm. 228.

¹⁸ Ibn Salah, ‘Utman bin ‘Abd al-Rahman. 2001. *al-Muqaddimah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Ashriyyah, hlm. 13.

¹⁹ Usman, A. H., & Nasir, M. N. (2022). Penyebaran Hadis Palsu Dalam Penerbitan Di Malaysia Dan Kesannya Kepada Masyarakat. *HADIS*, 12(23), 34-50.

²⁰ Ibn Sirin sebagai salah seorang tokoh ulama hadis dari kalangan *tabi‘in* berkata:

"Sesungguhnya mereka (periyat hadis) tidak bertanyakan tentang sanad sesuatu hadis, tetapi apabila setelah perlakunya fitnah (pembunuhan ‘Uthman RA) mereka berkata, nyatakanlah kepada kami nama rijal (periyat hadis) kamu, maka dilihat kepada (periyat) dari kalangan Ahli Sunnah, dan kata-katanya diterima, dan dilihat kepada (periyat) dari kalangan ahli al-Bid‘ah, maka kata-kata mereka tidak diterima".

dari generasi ke generasi secara mutawatir,²¹ kesahihan hadis pula sukar untuk diketahui lantaran tidak semuanya diriwayatkan secara mutawatir, pembukuannya agak lambat dilakukan dan bilangannya yang lebih banyak daripada bilangan ayat Quran. Namun, demi memelihara hadis Nabi SAW, ulama hadis pada sepanjang zaman telah berusaha melakukan pelbagai cara bagi menyaring hadis-hadis agar boleh digunakan oleh umat Islam. Antara usaha tersebut adalah dengan menyelidiki kredibiliti perawi, membukukan hadis sahih dan menentukan status hadis.

Meskipun kesahihan sesuatu hadis atau kedhaifannya boleh ditentukan melalui kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh para ulama, tetapi sebenarnya hal tersebut bukanlah suatu perkara yang mudah. Pelbagai maklumat terperinci lain berkaitan perawi, cara periyawatan, *tariq, lafaz, 'illah* dan metodologi ulama masih perlu secara mendalam sebelum ia dapat diputuskan. Justeru, hanya ulama yang benar-benar pakar dalam ilmu hadis sahaja yang layak melakukannya. Bagi orang yang tidak berkelayakkan, mereka hanya perlu menukilkan keputusan yang mereka tetapkan.²² Disebabkan itulah, pangkalan data hadis, bagi tidak tersalah, walaupun terdapat langkah untuk mengkaji status kesahihan hadis, perlu menukilkan status hadis yang telah ditetapkan oleh para ulama tanpa mengeluarkan apa-apa status sendiri.²³ Status tersebut boleh dipaparkan secara ringkas agar pengguna tidak sulit memahaminya.

Namun, meskipun begitu, masih terdapat banyak masalah lain yang akan dihadapi dalam memaparkan status hadis meskipun hanya perlu menukilkan. Antara masalah-masalah tersebut:

Terdapat terlalu banyak komentar daripada para ulama tentang status hadis.

Komentar ulama terhadap status hadis terkadang terdapat telulu banyak dan terkadang tidak terdapat langsung. Komentar tersebut pula ada yang berbentuk jelas dan langsung dan ada yang berbentuk tidak langsung dan tidak jelas. Bagi menggambarkan status hadis sebenar, sepatutnya setiap komentar ulama terhadap status hadis dinyatakan. Namun, hal ini akan menyebabkan senarai tersebut menjadi panjang. Malah ada di antara status tersebut berulang, tidak jelas, tidak langsung dan boleh mengelirukan pengguna. Untuk mengelakkan daripada masalah ini, dicadangkan agar hanya komentar yang jelas daripada ulama-ulama hadis yang ulung (akan dijelaskan selepas ini) dan popular sahaja yang dinyatakan. Komentar ulama selain mereka, iaitu yang tidak popular atau tiadak dikenali tidak perlu dinyatakan. Apatah lagi jika ia mempunyai persamaan. Namun, jika senarai itu pendek, semua komentar boleh dimasukkan. Selain itu, komentar tersebut sebaiknya tidak bercanggah. Jika terdapat percanggahan, satu ulasan perlu disediakan agar tidak menimbulkan kekeliruan. Komentar tersebut boleh sama ada yang tersirat atau tersurat.

Komentar status hadis daripada ulama hadis yang tidak ulung atau popular.

Ulama hadis ada yang dianggap ulung atau juga dipanggil *mutaqaddimin*, ada yang dianggap ulama *mutaakkhirin*, ada yang dianggap ulama kontemporari dan ada yang dianggap pengkaji hadis sahaja. Ulama *mutaqaddimin* adalah ulama silam yang hidup di antara di zaman *riwayah* iaitu di kurun ke-2 – hingga ke-3 hijrah. Mereka adalah ulama yang banyak menghafal hadis serta pakar dalam pelbagai aspek bidang hadis; matan, sanad, perawi, 'illah dan sebaginya.

²¹ Yusufa, Uun. 2013. Kemutawatiran Al-Quran: Metode Periwayatan dalam Sejarah Al-Qurân. Hermeneutik: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Tafsir. Vol 7, No 2. 213-228.

²² Kawaid, A. I. S. D., Haque. M. (2019). *Dirasat fi al-Hadith al-Dha'if wa al-Mawdu'*. Malaysia: Penerbit USIM. 29.

²³ Ibid.

Ulama *mutaakkhirin* pula adalah ulama hadis di kurun kelima hijrah hingga ke kurun ke 12 hijrah yang menyambung legasi bidang hadis.²⁴ Kepakaran mereka masih tinggi, tetapi kurang sedikit daripada kepakaran ulama *motaqaddimin*. Ulama kontemporari adalah ulama zaman sekarang yang banyak melakukan kajian terhadap hadis tetapi kepakaran mereka tidak setanding dengan kepakaran ulama *motaqaddimin* dan *mutaakkhirin*. Mereka seperti Ahmad Syakir, al-Albani dan Syu'aib al-Arnaut. Pengkaji hadis pula orang yang ada melakukan kajian terhadap hadis. Akan tetapi mereka tidak sepopuler atau terkenal seperti ulama hadis lain kerana kajian mereka agak terbatas.

Jika terdapat komentar status hadis daripada ulama hadis tidak ulung, jika pandangannya relevan terhadap status hadis, pandangannya boleh dimasukkan. Tetapi jika dia kurang popular atau dikenali, satu pengenalan tentang kredibilitinya perlu disediakan. Jika pandangan mereka tidak relevan atau bercanggah dengan pandangan ulama ulung, pandangan mereka boleh tidak dimasukkan.

Terdapat percanggahan pada status hadis.

Terkadang terdapat percanggahan yang ketara dalam status sesuatu hadis yang ditentukan oleh para ulama. Faktor percanggahan itu berlaku adalah perbezaan pandangan pada punca kesahihan atau kedhaifan hadis. Hal ini kerana menentukan status hadis dianggap sebagai ijihad.²⁵ Hasil sesuatu ijihad boleh sama ada benar atau salah. Perkara ini adalah suatu yang tidak asing dalam ilmu hadis. bagi berlaku adil, komentar-komentar tersebut sepatutnya dipaparkan kesemuanya. Namun, ia akan menyebabkan berlaku kekeliruan pada pengguna awam. Status seperti ini jika ada sepatutnya dielakkan dan dicadangkan agar pandangan yang tepat sahaja yang sepatutnya dipaparkan jika percanggahan tersebut ketara. Apatah lagi jika ada di antara status tersebut sebenarnya tidak tepat. Hal ini menjadi cabaran bagi kumpulan ini untuk merancang pemilihan dan pemaparan pandangan yang lebih tepat. Satu garis panduan baharu dalam perkara ini juga perlu diwujudkan bagi menjustifikasi pemilihan dan pemaparan tersebut.

Komentar Yang Jelas, Langsung, Tidak Jelas dan Tidak Langsung.

Komentar terhadap status hadis ada yang bersifat jelas dan langsung dan ada yang bersifat tidak jelas dan tidak langsung. Maksud komentar langsung di sini adalah komentar yang dilakukan terhadap hadis secara umum dan bukannya komentar terhadap perawi atau matannya sahaja. Komentar yang jelas adalah komentar yang tidak memerlukan penafsiran terhadap maksudnya. Termasuk dalam jenis ini, ungkapan yang sinomin tentang status hadis. Komentar yang tidak langsung pula adalah komentar yang tidak dibuat terhadap hadis, tetapi dibuat terhadap perawi dalam sanad hadis atau matannya sahaja. Komentar jenis ini biasanya dilakukan oleh ulama hadis silam terhadap hadis. Contohnya ketika mereka ditanya tentang status sesebuah hadis, mereka menjawab dengan ungkapan “*Di dalam sanadnya terdapat fulan bin fulan. Dia adalah seorang pendusta.*” Bagi ulama hadis, komentar seperti ini menggambarkan status hadis. Tetapi bagi orang yang bukan dalam bidang hadis, maksud komentar jenis ini mungkin masih perlu dijelaskan kerana tidak langsung. Adapun komentar jenis tidak jelas adalah komentar yang diungkapkan dengan kata-kata tidak menunjukkan salah satu status hadis yang empat tadi atau sinominnya. Contohnya “*Syaz, Mudhtarib, Ghair Ma'ruf dsb*”. Komentar seperti ini

²⁴ Mu'tamid 'Ali Ahmad Sulaiman. (2003). *Taqwiyyah al-Hadith bi al-Syawahid wa al-Mutaba'at 'inda al-Suyuti*. Prosiding Muktamar al-Tajdid fi Fikr Jala al-Din Al-Suyuti. Hlm. 144.

²⁵ Abd al-Ghani bin Ahmad Jabar Mazhar, Dr. (1993), *Usul Tashih wa Tad'if*, Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah, Bil. 41, Zulkaedah-Safar 1414H-1415H, Arab Saudi: al-Ri`asah al-'Ammah li al-Buhuth al-`Ilmiyyah wa al-Ifta`, h. 336.

memerlukan kepadan penafsiran agar dapat difahami. Bagi pangkalan data hadis, untuk peringkat awal, komentar yang langsung dan jelas sahaja dicadangkan agar diberi keutamaan. Hal ini selain akan memendekkan senarai komentar, ia tidak menyulitkan tugas menjelaskan maksud sesuatu status hadis.

Tidak terdapat status hadis oleh mana-mana ulama

Terdapat hadis-hadis yang statusnya tidak ditemui penentuan statusnya oleh mana-mana ulama. Hal ini biasanya berlaku pada hadis-hadis yang terdapat dalam kitab hadis yang tidak popular. Dalam masalah ini, untuk tidak menimbulkan masalah di kemudian hari, statusnya boleh tidak perlu dinyatakan. Namun, hadis jenis ini adalah sedikit.

Jenis Status Hadis

Jenis status hadis sepetimana yang disebutkan sebelum ini adalah 1. Sahih 2. Hasan 3. Dhaif 4. Palsu. Pembahagian seperti ini adalah pembahagian yang asas dalam ilmu hadis. Jenis status-status ini berkaitan tahap kesahihan hadis bagi dijadikan hujah atau diamalkan. Bukan menggambarkan tentang jenis strukturnya. Dari sudut boleh dijadikan hujah dan diamalkan, hadis sahih dan hasan menurut kesepakatan ulama boleh dijadikan hujah dan diamalkan.²⁶ Hadis Palsu pula menurut kesepakatan mereka tidak boleh dijadikan hujah atau diamalkan.²⁷ Tiada masalah untuk memaparkannya status-status ini di pangkalan data hadis. Adapun hadis dhaif, berkaitan pemparannya, perlu dilihat sudut boleh dijadikan hujah dan diamalkan atau tidak. Hal ini kerana ulama hadis membahagikan hadis dhaif dari sudut boleh diamalkan atau tidak kepada dua, iaitu hadis dhaif yang boleh diamalkan dengan syarat tertentu dan hadis dhaif yang tidak boleh diamalkan. Hadis dhaif yang boleh diamalkan disebutkan dengan hadis dhaif jenis ringan.²⁸ Faktor kedaifannya biasanya disebabkan masalah terputus sanad, *al-Mastur*, *al-Ikhtilat* atau perawi mempunyai sifat lupa yang ringan²⁹. Kedhaifan jenis berat pula adalah kedhaifan disebabkan perawinya dituduh matruk, munkar dan mempunyai sifat lupa yang teruk.³⁰ Termasuk dalam perkara tersebut berlaku percanggahan yang jelas dari sudut matan dengan hadis lain melalui perawi yang berkredibiliti. Disebabkan wujud pembahagian ini, maka hadis dhaif sepatutnya tidak hanya dinyatakan dengan satu status sahaja. Perlu terdapat perbezaan dalam menyatakan jenis kedhaifannya sama ada jenis ringan atau berat. Hal ini akan memudahkan pengguna mengetahui status hadis yang boleh diamalkan atau tidak.

KESIMPULAN

Pembinaan pangkalan data hadis lengkap dalam bahasa Melayu merupakan satu keperluan mendesak di zaman ini disebabkan peralihan majoriti pengguna umat Islam Malaysia daripada teks berbentuk bercetak kepada teks bentuk digital dengan mengambil manfaat kewujudan teknologi perkomputeran berdasarkan kecerdasan buatan dan data raya. Banyak cabaran yang dihadapi bagi pihak yang ingin mula membangunkannya kerana ketiadaan pengalaman dan panduan. Ketiadaan dana, kekurangan tenaga kerja, kekangan masa dan kefaham ahli kumpulan merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh kumpulan i-Status Hadis dalam pembinaan pangkalan data hadis. Sebelum memindahkan data, masalah menetapkan item,

²⁶ Abu Syahbah. *al-Wasit fi ‘Ulum wa Mustalah al-Hadith*. Op. cit. 602.

²⁷ Abdul-Hayyi bin Abdul-Halim, *Al-Lakhnawi*. t.t. *Al-Athar al-Marfu’ah fi al-Ahadith al-Maudhu’ah*. Baghdad: Dar al-Syarq al-Jadid. Hlm. 74.

²⁸ Ibn Hajar, op cit, hlm. 129.

²⁹ Ibid.

³⁰ Al-Hitiyy. Mahir Yasin Fah. 2000. *Athar ‘Ilal al-Hadith fi Ikhtilaf al-Fuqaha’*. Amman: Dar Ammar.

penomboran, masalah status hadis dan terjemahan yang betul menjadi isu utama lain yang mereka hadapi. Banyak perancangan yang perlu mereka rangka dan banyak perbincangan yang perlu mereka lakukan. Terdapat beberapa cadangan yang dalam kertas kerja ini untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Antaranya mengadakan kolaborasi dengan pelbagai pihak serta memberi keutamaan kepada data yang jelas. Segala cabaran dan masalah yang dihadapi perlu diatasi segera supaya projek mereka tidak terkubur dan dapat diteruskan dengan baik.

RUJUKAN

Abd al-Ghani bin Ahmad Jabar Mazhar, Dr. (1993). *Usul Tashih wa Tad`if, Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah*, Bil. 41, 1414H-1415H, Arab Saudi: al-Ri`asah al-`Ammah li al-Buhuth al-`Ilmiyyah wa al-Ifta'.

Abdul-Hayyi bin Abdul-Halim, Al-Lakhnawi. t.t. *Al-Athar al-Marfu'ah fi al-Ahadith al-Maudhu'ah*. Baghdad: Dar al-Syarq al-Jadid.

Abu Syahbah. (1403H). *al-Wasit fi ‘Ulum wa Mustalah al-Hadith*. Dar al-Fikr al-‘Arabiyy. hlm. 228.

Abourezq, Manar, and Abdellah Idrissi. (2016). “Database-as-a-Service for Big Data : An Overview” 7 (1): 157–77.

Al-Hitiyy. Mahir Yasin Fahl. 2000. *Athar ‘Ilal al-Hadith fi Ikhtilaf al-Fuqaha’*. Amman: Dar Ammar.Jaya, Hendra, Drs Sabran, M Pd, Muh Ma, Yasser A Djawad, M Sc, A Ilham, Ansari Saleh Ahmar, S Si, and M Sc. 2018. Kecerdasan Buatan. *Journal of Chemical Information and Modeling*. Vol. 53.

Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Long, M. Y., Goje, K., & Said, W. M. (2016, October). Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisasi. In Seminar Warisan Nabawi (SWAN) 2016 (pp. 4-5).

Ibn Hajar, Ahmad bin cAli al-cAsqalani. (1997). *Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar*. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah,

Ibn Salah, ‘Utman bin ‘Abd al-Rahman. (2001). *al-Muqaddimah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Ashriyyah,

Kawaiid, A. I. S. D., Haque. M. (2019). *Dirasat fi al-Hadith al-Dha’if wa al-Mawdu’*. Malaysia: Penerbit USIM.

Mahmoud, Montasser. (2015). "Challenges of Translating Islamic Religious Items from Arabic into English." Naif Arab University for Security Sciences

Man, M. (2012). Model Integrasi Pelbagai Jenis Pangkalan data (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Mohd Kahirul Niamat Doll Kawaiid, A. Irwan Santeri Doll Kawaiid, Shumsudin Yabi, Mohd Zohdi Mohd Amin, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mohd Yusuf Ismail. Persepsi Pensyarah

THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

Tentang Pengintegrasian Aplikasi ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Berkaitan Hadis di UA Malaysia. 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2018)

Al-Harahsheh, A. M. A. (2013). Translation of Islamic Texts and Ideology. Arab World English Journal, 4.

Nasreldin, Ibrahim, Ibrahim Ahmed, and Mohamad Fauzan Noordin. (2014). Big Data Storage, Collection, & Protection with Islamic Perspective. 3 (12): 2588–89.

Ahmad, K. (2019). Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website dan Software Hadis. In Conference Proceeding International Conference on Islam in Malay World (ICONIMAD).

Robbins, R. J. (1994). Database fundamentals. Johns Hopkins University, rrobbins@ gdb. org, 5-8.

Usman, A. H., & Nasir, M. N. (2022). Penyebaran Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia dan Kesannya Kepada Masyarakat. HADIS, 12(23), 34-50.

Yusufa, Uun. (2013). Kemutawatiran Al-Quran: Metode Periwayatan dalam Sejarah Al-Qurân. Hermeneutik: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Tafsir. Vol 7, No 2. 213-228.